

# PERJUANGAN RAKYAT DITINDIH DENGAN JALAN HALUS?

Datuk Onn telah meletakkan jawatan sebagai yang di-Pertua UMNO pada akhir tahun 1951, kerana hendak menubuhkan suatu parti lain yang mengadungi- ahli-ahlinya daripada semua kaum yang ada di negeri ini. partinya itu tiak berjaya kerana tidak disokong oleh yang orang Melayu malahan hatta pemimpin-pemimpin Cina yang pada mulanya menyokongnya telah meninggalkan partinya itu.

Perikatan UMNO – M.C.H. itulah yang telah memberi kilauan hebat hingga parti .I.M.P anjuran Datuk Onn rebah.

Di dalam bulan Mac yang lepas pula, Datuk Gantang bekas Timbalan Datuk Onn di dalam UMNO dahulu telah mengadakan dan menganjurkan suatu persidangan di antara parti-parti siasah di dalam Persekutuan Tanah Melayu. Beberapa orang menteri-menteri besar dan orang-orang yang terkemuka adalah menyertai gerakan Datuk Gantang ini. Tempatnya persendirian anjuran datuk Gantang ini seolah-olah hendak mengganggu perikatan UMNO - M. Saya, yang telah lebih dahulu mencadangkan hendak mengadakan persidangan yang sesama tujuannya dengan persidangan tersebut kebenaran lebih lanjut berkenaan gerak geri Datuk Onn dan Datuk Gantang. Bacalah rencana tuan Abham yang di bawah ini. - P

Oleh Abham

## Menteri-menteri Besar Menunjukkan Belang

Ulama Melayu hari ini sedang digegarkan oleh udara siasah yang halus bergema keseluruh dunia. Dua barisan yang bertentangan di antara satu dengan lain telah terdiri di dalam gerakan Melayu menuju kemerdekaan. Tujuh orang Menteri Besar yang telah terpengaruh telah menjawab hendak mempengaruhi orang awam dan telah menjadikan diri mereka bersama-sama dengan pihak yang di atas dan orang-orang hartawan. Suatu barisan golongan orang atas untuk mementang gerakan rakyat jelata. Adalah suatu pihak dan golongan rakyat jelata yang sedang bergerak kerana mencapai kemerdekaan dan kedaulatan rakyat Malaya. Ialah satu pihak perjuangan rakyat dijawab tindih dengan jalan halus tetapi buruk.

## Semangat Kemerdekaan

Semangat kemerdekaan rakyat Melayu sekarang adalah sebagai api yang marak yang tiada dapat dipadam-padam yang lebih hinanya adalah semangat kemerdekaan itu di dalam sedang menghadapi percubaan-percubaan yang hendak menghalangnya akan tetapi semakin dijawab menghalang semakin marak jadinya.


Perjuangan kerana kemerdekaan Melayu yang dipimpin oleh Tengku Abdul Rahman Putra yang bertulang belakang rakyat Melayu itu sedang menerima dua cara sambutan. Sambutan pihak rakyat adalah penuh dengan timbang rasa dan sokongan yang bersemangat dan sambutan pihak orang atas dan golongan-golongan yang mementingkan muslihat diri dari yang lain-lainnya adalah penuh dengan tipu helah dan pandangan yang hebat. Bagaimanapun, rakyat sedar dan mengerti dan tidak akan terpedaya.

Semangat yang berapi-rapi itu dapat disaksikan di dalam persidangan Agung UMNO setengah tahun di Melaka pada 4 dan 5 April 1953. Majlis persidangan itu yang telah bergegar dengan seruan "merdeka" sepanjang-panjang masanya bukan sahaja telah memperbincang dan membuat keputusan-keputusan yang menumpu tepat kepada kemerdekaan, akan tetapi juga telah menyaksikan sambutan rakyat kepada seruan pengorbanan yang dikehendaki di dalam perjuangan manakala derma yang bukan sahaja berupa wang bahkan juga barang-barang telah mencurah datang apabila derma kemerdekaan telah dilancarkan. Pilihan raya persekutuan tetap dituntut diadakan dalam tahun 1954. Begitulah adanya semangat dan gerakan rakyat yang bercita-cita kepada kemerdekaan.

## Perjuangan Rakyat

Perjuangan rakyat, sedang sampai kepada tingkat yang segenting-gentingnya manakala sekarang rintangan-rintangan dari pihak yang lain, pihak atas; dengan cara memotong jalan sedang dicuba. Samada percubaan-percubaan itu akan berjaya atau tidak masa jua akan menentukan bagaimanapun gerakan-gerakan yang menentang kemahuan rakyat telah nyata berlaku dan tidak syak akan berlaku dengan lebih hebat lagi. Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman sebagai pemimpin perjuangan rakyat. Di dalam ucapan di dalam persidangan agung UMNO di Melaka itu, telah mengingatkan bahawa “peperangan melawan gerakan komunis itu hampir tamat dan kecerobohan menentang gerakan kebangsaan ini akan dilakukan pula kerana tindakan-tindakan telah ternampak dengan perbuatan menteri-menteri besar yang telah bersatu padu dengan orang-orang yang hartawan yang berkuasa menentang kita di dalam politik”.

Dengan gerak geri yang sedang dinampak dari pihak yang lain itu, tiada susah bagi memahamkan apa yang dimaksudkan oleh Tengku Abdul Rahman dengan perkataan itu. Walau bagaimanapun seperkara yang tiada boleh dinafikan adalah perjuangan rakyat itu ialah perjuangan secara perlembagaan dan perjuangan yang mengikut jalan demokrasi.



*Tengku Abdul Rahman Putra sedang memeriksa barisan kehormatan dari Perikatan*

*Pemuda UMNO Melaka pada 3 April 1953*


Sebarang gerakan menentang perjuangan rakyat secara yang halal ini adalah menentang demokrasi dan yang demikian bererti pihak yang menentang itu tiada sukakan rakyat dan negeri ini berfaham demokrasi. Dunia demokrasi ialah dunia kedaulatan rakyat. Rakyat bergerak dan rakyat berjuang kerana menuntut haknya. Mengapakah mesti ada sekatan dan penentangan terhadap rakyat?

## Gerakan Menteri Besar

Tujuh orang Menteri Besar telah menunjuk belangnya. Dengan mengetahui bahawa perjuangan rakyat semakin kencang sebagaimana juga suara rakyat itu semakin kuat, dengan sulitnya mereka telah bermuafakat untuk mendirikan suatu barisan yang bertopengkan dakwa hendak mencapaikan sebuah Malaya merdeka yang berkebangsaan Malayan konon tetapi itulah perkakas semata-mata. Mereka tahu bahawa masa bagi pilihan raya yang dituntut oleh rakyat itu sudah tiba dan mereka bimbang kedudukan mereka harus tiada bertempat lagi. Kerana mereka tahu rakyat tiada menghargakan diri seseorang itu kerana gelaran Datuknya, atau kerana pangkat dan kedudukannya yang tinggi dan rakyat tiada berkehendak kepada orang-orang yang menjadi perkakas dan mengampu tetapi

rakyat menghargakan orang yang berjasa kepada ramai dan orang yang mahu membela nasib rakyat dan orang yang tulus ikhlas di dalam pekerjaannya, yang mengutamakan muslihat am daripada muslihat diri sendiri. Dengan kerana itu mereka mencuba hendak menguatkan kedudukan mereka dengan mencuba hendak mempengaruhi rakyat dan menarik rakyat ke dalam takluk mereka.

Di dalam percubaan mereka hendak menarik rakyat ke sebelah mereka dengan



**TEKS KABUR**